

BAB DUA

KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan:

Dalam bab ini, penyelidik akan membentangkan usul ilmu nahu arab serta pengasasan dan perkembangannya. Seterusnya perbincangan berkenaan kajian-kajian terdahulu dalam konteks ilmu nahu bahasa Arab serta penjelasan tentang definisi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta landasan teori tatabahasa Arab yang berkaitan dengan tajuk ini.

2.1 Ilmu Nahu:

2.1.1 Pengenalan Ilmu Nahu:

Menurut Ibn Manzu:r (1993,v.14,p.77), Nahu dari segi bahasa adalah bermaksud jalan atau tujuan. Manakala dari segi istilah pula ialah keistimewaan kalam arab dalam pengolahan bahasa mengikut i'ra:b dan selainnya seperti kata nama dual (التَّشْبِيهُ), kata

nama jamak (الْجَمْعُ), kata celaan (التَّحْقِيرُ), kata sanjungan (التَّكْبِيرُ), sandaran (الْإِضَافَةُ) dan sebagainya agar orang yang bukan penutur bahasa Arab dapat mengikuti penutur bahasa ini dari segi kefasihannya serta dapat bertutur dengan bahasa ini. Sekiranya terdapat kekeliruan dalam menggunakan bahasa Arab, maka (ilmu) nahu dirujuk untuk memperbetulkannya.

Ilmu nahu merupakan salah satu unsur daripada ilmu bahasa arab yang sedia ada dalam penggunaan bahasa ini sejak zaman sebelum kedatangan Islam lagi. Walaubagaimanapun ia menjadi satu ilmu yang disusun secara khusus dan sistematik pada zaman awal perkembangan Islam di Tanah Arab kerana timbul gejala pencemaran bahasa yang mengelirukan akibat dari percampuran bahasa Arab dengan bahasa asing yang digunakan dalam komunikasi. Masyarakat pelbagai bangsa di sekitar Tanah Arab datang berurusan dan bergaul dengan masyarakat setempat di bandar-bandar yang menjadi tumpuan kegiatan ekonomi, kebudayaan dan sebagainya. Di samping itu, penyebaran agama Islam serta penerimaannya oleh masyarakat di sekitar Tanah Arab juga mempengaruhi perkembangan bahasa Arab dan digunakan oleh pelbagai bangsa. Ilmu nahu ini mula diperkenalkan di Iraq kerana kedudukannya yang menjadi tempat tumpuan pelbagai bangsa dan kabilah pada waktu itu serta dianggap sebagai tempat pertembungan masyarakat arab dengan yang lain serta tempat berlaku pencemaran bahasa Arab yang paling ketara.

2.1.2 Pengasasan Ilmu Nahu:

Walaupun terdapat berbagai pendapat di kalangan sarjana bahasa Arab dan ahli sejarah tentang usul ilmu nahu bahasa Arab, namun kebanyakannya merujuk kepada pengasasan ilmu dengan kaedah serta batasan yang lebih tersusun dimulakan oleh Al-Imam ‘Ali bin Abi: Ta:lib dan Abu Al-Aswad Al-Du’aliyy. Banyak riwayat daripada buku-buku berkenaan dengan usul nahu bahasa Arab yang menceritakan kisah-kisah yang membawa kepada pengenalan ilmu ini secara khusus sehingga dinamakan dengan Ilmu Nahu.

Antaranya kisah masyhur yang disebut oleh Al-Tontawi(1998,p.14), kisah yang diriwayatkan oleh Abu Al-Aswad Al-Du’aliyy “Aku masuk berjumpa dengan Khalifah ‘Ali bin Abi: Ta:lib dan aku melihat beliau memegang satu lembaran. Lalu aku bertanya “Apa ini?”. Beliau menjawab “Aku memerhati kalam arab dan mendapati bahawa ianya telah dirosakkan oleh percampuran dengan bahasa asing. Aku ingin meletakkan sesuatu (ilmu) yang boleh dijadikan sebagai rujukan serta pegangan (bagi menghindari pencemaran bahasa). Lalu beliau memberikan kepadaku lembaran itu yang bertulis “Al-kalam adalah Isim (اسْمٌ), Fe’el (فِعْلٌ) dan Harf (حَرْفٌ). Isim iaitu sebutan tentang sesuatu yang bernama(benda), Fe’el pula ialah yang dilakukan olehnya, manakala Harf adalah yang melengkapinya makna dengan keduanya”. Seterusnya beliau berkata padaku “ikutilah jalan (الَّتَحْوُ) ini, dan tambahlah apa sewajarnya bagimu. Ingatlah wahai Abu Al-Aswad bahawa kata nama ada tiga bahagian iaitu kata nama tersurat (ظَاهِرٌ) serta kata nama yang tersirat (مُضْمَرٌ) dan

sebaliknya. Sekiranya tidak dimaksudkan dengan kedua-duanya iaitu bukan tersurat atau tersirat, maka ia adalah kata nama mubham (مُبْهَم). Abu Al-Aswad berkata “Kemudian aku membuat kaedah bagi bab al-Atof dan al-Na’at, seterusnya bab al-Ta’ajjub, al-Istifham serta Inna wa azawa:tiha. Selepas itu, setiap kali selesai melengkapkan kaedah bagi bab ilmu nahu ini, aku menunjukkan kepada beliau (‘Ali bin Abi: Ta:lib) sehingga memenuhi hasrat yang beliau inginkan. Lalu beliau berkata “Alangkah eloknya jalan(التَّحْوِي) yang telah kamu tunjukkan. Maka dari kalimah (bermaksud jalan atau panduan) inilah ilmu yang disusun ini dinamakan “Ilmu Nahu”.

2.1.3 Perkembangan Ilmu Nahu:

Usaha yang diasaskan oleh Khalifah ‘Ali bin Abi: Ta:lib dan Abu Al-Aswad Al-Du’aliyy dalam mempelopori ilmu nahu bahasa arab di era kebangkitan islam telah berkembang dengan pesatnya kerana timbul kesedaran untuk menjaga kesahihan penggunaan bahasa arab dan memeliharanya daripada dipengaruhi oleh bahasa lain. Desakan terhadap kepentingan menjaga ilmu nahu ini semakin ketara pada zaman pemerintahan kerajaan ‘Umayyah dan ianya menjadi bidang ilmu linguistik arab yang amat diberi perhatian.

Seterusnya perbincangan terhadap ilmu nahu ini semakin meluas pada zaman kerajaan ‘Abba:siyy sehingga mewujudkan dua mazhab utama dalam meletakkan kaedah ilmu

nahu di Iraq iaitu mazhab Basrah dan Kufah. Kedua-dua mazhab ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap kesinambungan usaha memelihara keaslian bahasa arab sehingga ke hari ini.

2.2 Kajian Literatur

Kajian yang berkaitan dengan tajuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini dibicarakan dalam dua subtajuk iaitu kaitan secara khusus berkenaan al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan seterusnya adalah kajian umum tentang ilmu nahu bahasa Arab.

2.2.1 Kajian Berkaitan al-Mabniyy Li al-Majhu:l

Perbincangan tentang al-Mabniyy Li al-Majhu:l sudah berlaku sejak dahulu lagi apabila para sarjana ilmu nahu zaman silam telah membicarakannya secara tidak langsung dalam karya-karya mereka. Walaupun mereka tidak membincangkan tajuk ini secara topikal, namun banyak perbincangan pada cabang topik dalam ilmu nahu yang berkait secara langsung dengan al-Mabniyy Li al-Majhu:l, bahkan ada dalam kalangan mereka yang membicarakannya dari aspek fonetik, retorik dan sebagainya.

Dalam pada itu, perbincangan tentang al-Mabniyy Li al-Majhu:l bukan sahaja dari kalangan sarjana ilmu nahu, bahkan para sarjana dalam pelbagai cabang ilmu lain

seperti bidang ilmu tafsir, ilmu bala:yah dan ilmu qiraat juga turut membicarakan tentang tajuk ini serta mengaitkannya dengan skop perbincangan dalam karya mereka. Pada peringkat awal, para sarjana ilmu nahu tidak menggunakan istilah al-Mabniyy Li al-Majhu:l secara khusus, tetapi mereka menggunakan istilah tersendiri yang merujuk kepada maksud al-Mabniyy Li al-Majhu:l, sebagaimana yang disebut oleh Ya:qu:t, M.S (p.11) di dalam kitabnya “Al-Mabniyy Li al-Majhu:l Fi al-Dars al-Nahwi Wa al-Tatbi:q Fi al-Qura:n al-Kari:m” seperti berikut, antaranya;

- i) Al-Khali:l (175H) "مَا لَمْ يُذَكَّرْ فَاعِلُهُ" bermaksud (Apa yang tidak disebut pelakunya)
- ii) Al-Farra' (207H) "مَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ, إِذَا خَلَا بِاسْمِ رَفْعِهِ" iaitu (Apa yang tidak dinamakan pelakunya apabila dimansuhkan isim (pelaku) yang marfu:').
- iii) Al-Mubarrid (285H) "هَذَا بَابُ الْمَفْعُولِ الَّذِي لَا يُذَكَّرُ فَاعِلُهُ وَهُوَ رَفْعٌ" (Bab al-Maf'u:l yang tidak disebut pelakunya yang ia adalah marfu:').
- iv) Ibnu Sira:j (316H) "فِعْلٌ بَنِيَ لِلْمَجْهُولِ..." (Fe'el dibina untuk al-Maf'u:l).
- v) Ibnu ḥa:lawaih (370H) "بَنِيَ الْفِعْلُ لِمَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ" (Dibina al-Fe'el bagi apa yang tidak dinamakan pelakunya).

Kemudian hal ini dibincangkan pula oleh golongan sarjana ilmu nahu mutakhir dengan menggunakan istilah yang hampir sama, antaranya;

- i) Reḏa Ali(p.28) menyebut "الْفِعْلُ الْمَجْهُولُ هُوَ مَا لَمْ يُذْكَرْ مَعَهُ فَاعِلُهُ وَجُعِلَ الْمَفْعُولُ بِهِ نَائِبًا عَنْهُ" (al-Fe'el al-Majhu:l ialah apa yang tidak disebut bersamanya pelakunya dan menjadikan maf'u:l bihi sebagai gantinya iaitu pelaku).
- ii) Ibnu al-Ha:jib(p.137) juga menyebut "مَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ" (Apa yang tidak dinamakan pelakunya).
- iii) Ibnu Hiṣa:m Al-Ansa:riyy (1992,p.154) turut menggunakan istilah yang hampir sama iaitu "الْفِعْلُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ" (Fe'el yang tidak dinamakan pelakunya).
- iv) Al-Sayu:tiyy(p.84) menyatakan "بُنِيَ لِلْمَفْعُولِ" (Dibina bagi maf'u:l).

Beliau turut merakamkan pendapat Ibnu 'Usfu:r mengenai tiga kategori fe'el dalam menentukan fe'el yang boleh diaplikasikan dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu;

- i) Kumpulan fe'el yang secara mutlak tidak boleh dibina dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l iaitu kumpulan fe'el yang bukan *mutasarrif*, seperti (نَعَمَ وَبِئْسَ).
- ii) Kumpulan fe'el yang terdapat perselisihan di kalangan ilmuan nahu bagi digunakan dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu (كَانَ وَأَخَوَاتُهَا) (Ka:na dan fe'el yang *mutasarrif* dalam kumpulannya).
- iii) Kumpulan yang boleh diubah kepada bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu yang selain daripada kumpulan yang disebutkan di atas dari kalangan (الْأَفْعَالُ الْمُتَصَرِّفَةُ) fe'el *mutasarrif*.

Dalam era pembelajaran ilmu nahu masa kini telah berlaku perubahan dalam pendekatan pembelajaran ilmu nahu serta hasil penulisan berkenaan dengannya. Pada masa kini kebanyakan para penulis menjuruskan perbincangan ilmu nahu secara topikal maka mereka menggunakan istilah *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* bagi merujuk kepada ragam pasif bahasa Arab dalam karya mereka, antaranya seperti *Al-Na:diriyy*, *Al-Ra:jihiy*, *Fuad Ni'maṭ*, *šeiḫ Al-ḡala:yi:niy* dan lain-lain lagi.

Selain daripada perbincangan berkenaan tajuk ini dalam kitab nahu bahasa Arab, terdapat juga kajian yang dijalankan bagi membicarakan tentang *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* khususnya dalam konteks hubungannya dengan bidang ilmu yang lain. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh *Ya:qu:t, M.S* yang mengupas tentang *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* dalam skop pembelajaran nahu bahasa Arab serta terapan penggunaannya dalam ayat-ayat al-Quran. Beliau membahagikan perbincangan dalam kajiannya kepada empat bahagian utama iaitu *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* dari kaca mata sarjana silam tentang pengenalan istilah *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* serta kajian dari sudut usul dan pecahannya dan aplikasi nahuan yang berkaitan dengannya seperti pelaku ganti serta hukumnya. Seterusnya beliau membicarakan tentang teori perubahan yang berlaku kepada *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* merentasi zaman dari era ulama silam hingga kepada pendekatan yang digunapakai oleh para sarjana masa kini. Dalam bahagian berikutnya, beliau menjuruskan perbincangan berkenaan terapan penggunaan *al-Mabniyy Li al-Majhu:l* di dalam al-Quran serta kaitannya dengan pelbagai cabang ulum al-Quran yang lain bagi menentukan tafsiran yang sah terhadap maksud ayat tersebut. Beliau juga turut menyentuh hubungan tajuk ini dengan ilmu qiraat al-Quran kerana kesan perbezaan bahasa serta sebutan.

Di samping itu, antara hasil kajian tempatan yang telah dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini ialah kajian yang dilakukan oleh Firdaus Ngah (2003) bertajuk "*Penggunaan Ragam Pasif Di Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Dalam Surah Al-'Imran*". Dalam kajian ini penulis telah membahaskan berkenaan dengan maksud ragam pasif serta konsepnya melalui ilmu tatabahasa bahasa arab yang meliputi kata kerja pasif, kata nama pasif serta kata nama nisbah pasif . Selain daripada perbincangan dari aspek sintaksis dan morfologi, beliau turut menjuruskan skop kajian terhadap gaya bahasa serta nilai semantik daripada penggunaan ragam pasif di dalam ayat Al-Quran surah Al-'Imran dengan membuat analisis dengan menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif. Natiujahnya beliau merumuskan bahawa terdapat sebanyak 67 patah kata ragam pasif digunakan di dalam surah tersebut dan meioritinya iaitu 65 patah kata adalah bentuk kata kerja pasif dan selebihnya adalah dalam bentuk kata nama pasif. Manakala dapatan kajian dalam aspek jenis kata kerja pasif pula, sebanyak 41 patah kata daripada 65 patah kata kata kerja pasif adalah dari jenis kata kerja lampau dan bakinya adalah dari kata kerja kala kini.

Melalui kajian ini juga beliau turut merumuskan bahawa penggunaan ragam pasif di dalam surah *Al-'Imran* mempunyai motif-motif tertentu seperti memberi peringatan yang lebih tegas dan menggerunkan hati, menghasilkan suatu kenyataan yang ringkas dan jelas, menghasilkan kefahaman yang optimum serta kemampuan menerima mesej dengan cekap dan menyatakan sesuatu hukum yang tetap.

2.2.2 Kajian Berkaitan Penguasaan Ilmu Nahu Bahasa Arab:

Terdapat ramai penyelidik di pelbagai institut pengajian tinggi di negara ini, samada di peringkat sarjana mahupun kedoktoran telah menjalankan kajian mereka dalam bidang pengajian bahasa Arab.

Antara kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk analisis terhadap kesilapan dalam aspek penggunaan kaedah nahu terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi di nagara ini. Antaranya kajian tesis yang dijalankan oleh Mezah,C.R.(2006) yang bertajuk “*Analisis Kajian Leksikel Dalam Karangan Bahasa Arab*” menganalisis 120 skrip karangan dari dua tajuk yang ditentukan yang ditulis oleh 60 orang pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat 2,466 kesilapan leksikel yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis karangan tersebut dalam kategori. Beliau mengklasifikasikannya kepada lapan jenis seperti berikut;

1. Kesilapan ortografi/ejaan sebanyak 928 iaitu 37.6%.
2. Kesilapan penambahan perkataan yang tidak perlu sebanyak 401 iaitu 16.3%.
3. Kesilapan terjemahan secara literal dari bahasa ibunda sebanyak 372 iaitu 15.1%.
4. Kesilapan penggunaan bentuk/pola perkataan sebanyak 304 iaitu 12.3%.
5. Kesilapan pemilihan kata yang tidak sesuai sebanyak 231 iaitu 9.4%.
6. Kesilapan pengguguran perkataan yang perlu sebanyak 185 iaitu 7.5%
7. Kesilapan penggunaan kata pinjaman sebanyak 31 iaitu 1.2%
8. Kesilapan peralihan kod sebanyak 14 iaitu 0.6%.

Beliau merumuskan beberapa faktor utama yang menyebabkan berlaku kesilapan leksikel ini. Antara faktor dominan ialah pengaruh atau gangguan bahasa ibunda pelajar. Terdapat juga punca bukan linguistik serta sikap pelajar dan faktor intralingual yang menyumbang kepada permasalahan ini.

Selain itu, terdapat banyak penyelidikan yang dilakukan berkaitan dengan aspek penguasaan ilmu nahu bahasa Arab di Malaysia, sebagaimana usaha yang dilakukan oleh Hussin.M.(2010) yang menjalankan kajian tentang “*Penguasaan Al-‘Adad Wa Al-Ma’du:d di Kalangan Pelajar*” di dua buah sekolah di daerah Kuala Kangsar, Perak, iaitu Sekolah Al-Madrasat Al-Idri:siyyat dan SMA Ma’had Al-Mi:za:n. Dalam kajian yang melibatkan 100 orang responden ini, beliau telah membentangkan perbincangan terhadap tajuk kajian ini dengan penerangan yang terperinci dan tersusun bersandarkan kepada rujukan dari buku-buku ilmu nahu bahasa Arab yang lama mahupun yang moden.

Daripada tinjauan yang dibuat dalam kajian yang dijalankan ini, minat pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran ilmu nahu bahasa Arab adalah berada di tahap sederhana sahaja. Manakala dapatan secara keseluruhan terhadap aspek penguasaan berkenaan tajuk Al-‘Adad Wa Al-Ma’du:d adalah pada tahap lemah iaitu 36.6% sahaja. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak dapat menguasai dengan kemahiran asas ilmu nahu bahasa Arab, contohnya tajuk nombor dan bilangan, walaupun pembelajaran berkenaan dengan tajuk ini diajar pada setiap tahun di peringkat sekolah menengah. Daripada rumusan kajian yang dijalankan, kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai ilmu nahu ini adalah pada

penguasaan kemahiran i'ra:b. Antara punca kesukaran kemahiran ini ialah kekeliruan dengan kaedah nahu bagi tajuk berkenaan serta sikap pelajar terhadap pembelajaran yang kurang memberangsangkan.

Manakala Mat Zain,H.(2009) telah membuat kajian disertasi yang bertajuk “*Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*” dan beliau memuatkan perbincangan yang mendalam berkenaan dengan tajuk ini dari aspek ta'rif ata kerja, bahagian-bahagiannya, bilangan hurufnya, tanda pengenalanya serta kaedah pembentukkan kata kerja dan bahagian kata kerja iaitu dari sudut sahiih dan mu'tal serta ja:mid dan mutasarrif. Dengan menggunakan metodologi soal selidik dan ujian pilihan jawapan sebanyak 50 soalan kepada 50 orang responden di kalangan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah, Kampung Parit Medan, Muar, Johor, penyelidik telah merumuskan dapatan kajian dalam bentuk data kuantitatif yang diperolehi menunjukkan sebahagian besar pelajar berminat apabila guru mengajar dalam bahasa arab iaitu 72%. Walaupun begitu, respon daripada jawapan terhadap soalan berkenaan dengan penguasaan kata kerja bahasa Arab adalah di tahap sederhana. Pelajar menghadapi banyak kekeliruan dalam aspek penguasaan imbuhan dan makna bagi kata kerja serta aspek gender, bilangan dan masa.

Ismail,N.A.(1999), dalam kajiannya “*Analisis Kesilapan Penggunaan Pelaku Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Melayu*”, telah melakukan kajian tentang kesalahan pada penggunaan “pelaku” mengikut kaedah nahu bahasa Arab. Menerusi kajian yang telah dijalankan di kalangan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama al-

Ulum al-Diniah Dong, Raub, Pahang, penyelidik telah mengenalpasti beberapa kelemahan pelajar dalam menguasai aspek penggunaan “pelaku” di dalam karangan bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa permasalahan utama pelajar menguasai tajuk nahu ini adalah dalam aspek salah padan pelaku dengan kata kerja, salah padanan masa dan genus serta kesilapan pada tanda marfu:’. Keputusan kajian mendapati 70% daripada responden melakukan kesilapan ini di dalam penulisan karangan manakala 74% pula pada jawapan bagi soalan objektif.

Daripada dapatan kajian-kajian yang dijalankan ini, dapat dirumuskan bahawa penguasaan pelajar terhadap pembelajaran ilmu nahu masih di tahap sederhana dan perlu diberi perhatian. Pendekatan strategi yang lebih berkesan serta manipulasi penggunaan teknologi terkini dalam elemen pengajaran dan pembelajaran perlu digabungkan dengan daya kreativiti dan inovasi bagi meningkatkan motivasi serta menarik minat pelajar.

2.3 Kata Kerja \ Al-Fe’el (الْفِعْلُ):

Sub tajuk ini memuatkan perbincangan tentang perihal al-Fe’el seperti definisi, bahagian fe’el, tanda fe’el serta pandangan bahawa fe’el adalah sumber terbitan kata bahasa Arab.

2.3.1 Definisi Kata Kerja (الْفِعْلُ):

Definisi kata kerja atau fe'el (فِعْلٌ) dari segi bahasa adalah bermaksud 'perbuatan' atau 'tingkah laku' mengikut Buku Katan Kamus Melayu (1997). Dari segi istilah dalam perspektif ilmu nahu bahasa Arab pula adalah seperti yang dinyatakan oleh Al-Na:diriyy (1997,p.12) :

"Fe'el adalah kalimah yang menunjukkan makna yang berkaitan dengan salah satu daripada tiga tempoh waktu lakunya iaitu (الْفِعْلُ الْمَاضِي) yang menunjukkan kelakuan yang berlaku sebelum masa ia disebut , (الْفِعْلُ الْمَضَارِع) pada waktu sekarang atau akan datang dan (فِعْلُ الْأَمْرِ) yang bermaksud suruhan atau perintah lakunya pada masa selepas itu".

Terdapat juga perbezaan pendapat di kalangan ilmuwan bahasa Arab yang terdahulu dan mutakhir ini dalam memberi takrifan tentang istilah al-Fe'el (الفِعْلُ). Perkara ini disebut oleh Al-Maxzu:miyy (1986,p.100) yang membawa beberapa takrifan bagi istilah al-Fe'el (الفِعْلُ) ini yang diberikan oleh para sarjana nahu arab, antaranya;

- i) Sibawaeh : " أَمْثِلَةٌ أُخِذَتْ مِنْ لَفْظِ أَحْدَاثِ الْأَسْمَاءِ "

"Bentuk yang diambil(dibina) dari masdar"

ii) Al-Zaja:jiyy : " مَا دَلَّ عَلَى حَدَثٍ وَزَمَانٍ مَّاضٍ أَوْ مُسْتَقْبَلٍ "

“Suatu yang menunjukkan kepada pelakuan dan masa (samaada) yang lalu atau sekarang/akan datang”

iii) Ibnu Al-Ha:jib : " مَا دَلَّ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهِ مُقْتَرِنٌ بِأَحَدِ الْأَزْمِنَةِ الثَّلَاثَةِ "

“Suatu yang menunjukkan makna padanya yang berkaitan dengan salah satu dari tiga masa (iaitu masa lalu مَاضٍ, sekarang حَاضِرٌ dan akan datang مُسْتَقْبَلٌ)”

iv) Al-Zamaḥṣariyy : " مَا دَلَّ عَلَى اقْتِرَانِ حَدَثٍ بِزَمَانٍ "

“Suatu yang menunjukkan kaitan pelakuan dengan masa”

2.3.2 Bahagian fe’el dalam bahasa Arab;

Oleh kerana perkaitan yang tidak dapat dipisahkan di antara fe’el (pelakuan) dengan masanya, maka seperti yang telah disebut sebelum ini bahawa majoriti sarjana nahu masa kini telah membahagikan fe’el kepada tiga jenis mengikut masa pelakuannya iaitu masa lalu مَاضٍ, sekarang حَاضِرٌ dan akan datang مُسْتَقْبَلٌ . Penyelidik telah

menyebut sebelum ini pendapat daripada Dr. Muhammad As'ad al-Na:diriyy tentang jenis fe'el, namun penyelidik ingin membawa beberapa pendapat lain yang membahagikannya dengan pandangan yang berlainan.

Menurut Al-Maxzu:miyy (1986,p.112) :“ al-Ma:ðiiyy (الْمَاضِي) ialah perbuatan yang berlalu selepas berlakunya iaitu yang dikaitkan pelakuan dengan masa sebelum masa sekarang, Al-Mustaqbal (الْمُسْتَقْبَل) ialah suatu yang belum berlaku tapi dibicara tentangnya sekarang iaitu sebelum masanya berlaku, manakala al-Ha:ðir (الْحَاضِر) ialah di antara kedua-duanya iaitu bicara tentangnya pada masa ia berlaku”. Beliau juga menyebut pandangan sarjana bahasa Arab yang lain dalam membincangkan perkara ini. Antaranya seperti berikut;

- I) Ibn Ya'i:š membahagikan fe'el kepada tiga jenis mengikut masa. Al-Fe'el al-Ma:ðiy (الْفِعْلُ الْمَاضِي) bagi masa yang lalu, Al-Fe'el al-Muðo:ri' (الْفِعْلُ الْحَاضِر) bagi masa akan datang dan Al-Fe'el al-Amr (الْفِعْلُ الْأَمْرِي) bagi masa sekarang.
- II) Sibawaeh juga membahagikan fe'el mengikut jenis masa, iaitu (الْفِعْلُ الْمَاضِي) bagi masa yang lalu, manakala masa sekarang dan akan datang adalah merujuk kepada (الْفِعْلُ الْمَضَارِعِي) dan (الْفِعْلُ الْأَمْرِي) . Bagi menunjukkan pada

keadaan pelakunya masa sekarang dan akan datang, maka digunakan **الْفِعْلُ**

الْمُضَارِعُ, dan **فِعْلُ الْأَمْرِ** merujuk kepada gaya suruhan dengannya.

III) Bagi mazhab Basrah, mereka membahagikan fe'el kepada **الْفِعْلُ الْمَاضِي** , **الْفِعْلُ**

الْمُضَارِعُ dan **فِعْلُ الْأَمْرِ**, berbeza dengan mazhab Kufah yang membahagikannya

kepada **الْفِعْلُ الْمَاضِي** , **الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ** dan **الْفِعْلُ الدَّائِمُ**.

2.3.3 Tanda al-Fe'el :

Setiap kalimah bahasa Arab adalah terdiri daripada samaada Isim atau Fe'el ataupun Harf. Oleh itu, terdapat tanda-tanda yang tertentu yang membezakan antara ketiga-tiga bahagian kalimah ini. Bagi fe'el, tanda-tandanya adalah mengikut jenis fe'el;

I) Al-Fe'el al-Ma:ðiiyy (**الْفِعْلُ الْمَاضِي**) :

i. Boleh menerima "تَاءُ التَّائِيْتِ" pada huruf akhir, contoh : **ذَهَبَتْ**

ii. Boleh menerima "تَاءُ ضَمِيرِ الْمُتَحَرِّكِه" , contoh : **ذَهَبْتُ**

iii. Boleh menerima "نُونُ النَّسْوَةِ" , contoh : **ذَهَبْنَ**

iv. Boleh menerima "قَدْ" , contoh : **قَدْ جِئْنَا لِنَتَعَلَّمَ**

II) Al-Fe'el al-Muḍo:ri' (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ) :

- i. Boleh menerima "قَدْ", contoh : قَدْ يَهْطِلُ الْمَطْرُ
- ii. Boleh menerima "أداة النَّصْبِ وَالْجَزْمِ", contoh : لَمْ أَشْرَبْ
- iii. Boleh menerima "السَّيِّئِ وَ سَوْفَ", contoh : سَأَرْحَلُ \ سَوْفَ أَرْحَلُ
- iv. Boleh menerima "يَاءُ الْمُخَاطَبَةِ", contoh : أَنْتِ تَذْهَبِينَ
- v. Boleh menerima "نُونُ التَّوَكُّيدِ", contoh : لَأَجْتَهِدَنَّ
- vi. Boleh menerima "حُرُوفُ الْمُضَارَعَةِ (أ، ن، ي، ت)", contoh : أَذْهَبُ

III) Al-Fe'el al-Amr (فِعْلُ الْأَمْرِ)

- i. Menunjukkan makna suruh atau perintah, contoh : اذْهَبْ
- ii. Boleh menerima "يَاءُ الْمُخَاطَبَةِ", contoh : اذْهَبِي
- iii. Boleh menerima "نُونُ التَّوَكُّيدِ", contoh : اذْهَبَنَّ

2.3.4 Al-Fe'el sumber al-Istiqa:q (الِإِسْتِيقَاقُ):

Kita dapat perhatikan sejak dari dahulu lagi terdapat perbezaan pandangan dikalangan sarjana nahu Arab berkenaan dengan asal terbitan kata dalam bahasa Arab. Percanggahan pendapat ini juga timbul di antara dua mazhab nahu arab yang tersohor iaitu mazhab Basrah dan Kufah. Para sarjana nahu dari mazhab Basrah mendakwa bahawa Isim adalah asal kata terbitan bahasa Arab manakala fe'el pula adalah pecahannya. Mereka berpegang kepada hujah bahawa (isim) masdar menunjukkan pada masa yang mutlak manakala fe'el menunjukkan pada masa yang tertentu, dan setiap yang mutlak itu adalah asal bagi yang tertentu (muqayyad). Ini adalah merujuk kepada penggunaan masdar yang membawa maksud pelakuannya yang merangkumi semua masa serta tidak dikhususkan dengan masa-masa yang tertentu. Oleh kerana itu, dibentuk terbitan daripadanya lafaz seumpamanya yang menunjukkan masa pelakuannya yang tertentu, iaitu sebagaimana tiga jenis fe'el yang merujuk kepada masa yang lalu, masa kini dan masa akan datang.

Al-Maxzu:miyy (1986,p.103) menjelaskan bahawa para sarjana nahu Kufah pula mengutarakan pendapat yang sebaliknya iaitu dengan menyatakan bahawa fe'el adalah asalnya sedangkan isim (masdar) adalah cabangnya. Mereka mengemukakan hujah bahawa kesahihan masdar adalah berdasarkan kesahihan fe'el dan sebaliknya seperti $قَوْلٌ: قَاوَمٌ - قَوَامًا \ قَامٌ - قِيَامًا$, hubungan ini menunjukkan bahawa masdar adalah pecahan kepada fe'el.

Perselisihan ini juga dibincangkan oleh Al-Anba:riyy pada masalah yang ke dua puluh lapan dalam kitabnya al-Inso:f (v.1,p.235) dengan menyebut pandangan serta hujah dari kedua-dua mazhab nahu ini dalam menyatakan asal kata terbitan samaada ianya adalah fe'el atau (isim) masdar. Walaubagaimanapun Al-Maʿzu:miyy menyatakan bahawa para sarjana nahu bahasa Arab mutakhir lebih cenderung kepada pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Kufah.

2.4 Kata Kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l (الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ) :

2.4.1 Definisi Kata Kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l :

Dalam perbincangan sebelum ini, penyelidik membentangkan perincian maksud bagi al-Fe'el atau kata kerja. Di dalam bab ini, penyelidik menghuraikan definisi bagi istilah al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang menjadi fokus dalam kajian ini dengan mengambil pandangan para sarjana bidang nahu bahasa Arab yang terdahulu dan yang mutakhir ini.

Perkataan al-mabniyy (الْمَبْنِيُّ) adalah devirasi dari kalimah bahasa Arab (بَنَى - يَبْنِي - بِنَاءٌ)

(بِنَاءٌ \ بُنْيَانٌ \ بِنْيَةٌ \ بِنَايَةٌ) yang membawa maksud dari segi bahasa adalah ‘membina atau membangunkan’ iaitu lawan kepada maksud ‘meruntuhkan’ sebagaimana yang dipetik dari Kamus al-Munjid (2000).

Manakala bagi maksud al-Mabniyy Li al-Majhu:l menurut al-Asmar (1993,p.355) di dalam al-Mu'jam al-Mufassal Fi 'Ilmi al-Sorf:

"الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ: هُوَ فِي الْإِصْطِلَاحِ، الْفِعْلُ الْمَجْهُولُ"

(Al-Mabniyy Li al-Majhu:l pada istilahnya ialah al-Fe'el al-Majhu:l)

Ini bermakna kalimah al-Mabniyy jika dirangkaikan dengan kalimah al-Majhu:l ianya adalah bermaksud pembentukkan atau pembinaan kata kerja dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut kaedah yang ditentukan dalam ilmu sorf bahasa Arab sebagaimana yang diperincikan dalam subtajuk seterusnya.

Kalimah al-Majhul pula adalah berasal dari kata kerja bahasa Arab (جَهَلَ - يَجْهَلُ)

(جَهَلَ\جَهَالَةً) yang bermaksud 'tidak tahu tentang sesuatu'. Manakala dalam bahasa melayu perkataan 'jahil' menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) bermaksud 'tidak mengetahui (ajaran agama islam atau sesuatu hal) atau cetek pengetahuan'

Dalam perbincangan maksud istilah bagi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l, terdapat banyak pandangan para sarjana bahasa Arab yang mentakrifkannya sebagai "kata kerja yang tidak dinamakan pelakunya" sebagaimana yang disebut dalam banyak kitab-kitab tatabahasa Arab. Antaranya Al-Astara:ba:ziyy (1998,p.483) mendefinisikan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l sebagai;

"فِعْلٌ مَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ هُوَ مَا حُذِفَ فَاعِلُهُ"

“Kata kerja yang tidak dinamakan pelakunya iaitu apa (kata kerja) yang dihilangkan pelakunya”.

Pandangan yang sama turut dimuatkan oleh ‘Abdu Al-Sami.’ (2005) dalam kitabnya al-Muhrrar fi al-Nahwi, apabila menggunakan istilah yang serupa dalam membincangkan tajuk ilmu nahu ini iaitu;

"الْفِعْلُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ"

“Kata kerja yang tidak dinamakan pelakunya”.

Sementara Abu al-Fatah Jainy (1985) juga menyebut takrif yang hampir sama pada satu bab dalam kitabnya iaitu;

"بَابُ: الْمَفْعُولُ الَّذِي جُعِلَ الْفِعْلُ حَدِيثًا عَنْهُ مَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ".

“Bab: Objek (kata nama yang dilakukan) yang dibentuk kata kerja yang dilakukan apa (kata kerja) yang tidak dinamakan pelakunya”.

Al-Asmar (1993,p.325) membawa takrifan berikut;

"الْفِعْلُ الَّذِي حُذِفَ فَاعِلُهُ وَأُسْنِدَ إِلَى مَا يُنُوبُ عَنْهُ"

“Fe’el yang dihilangkan pelakunya dan disandarkan kepada (apa) yang menggantikan tempatnya”

Beliau juga menyebut beberapa istilah lain yang digunakan bagi merujuk kepada kata kerja ini, antaranya;

" الْمَبْنِيُّ لِمَا لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ , الْفِعْلُ الْمَجْهُولُ فَاعِلُهُ , صِبْغَةُ الْمَفْعُولِ , الْمَفْعُولُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ , الْمَبْنِيُّ لِلْمَفْعُولِ "

Selain itu, Ni'mat (p.81) memberikan takrifan yang lebih mudah dengan menyatakan bahawa kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ialah;

" الْفِعْلُ الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ هُوَ مَا حُذِفَ فَاعِلُهُ وَحَلَّ الْمَفْعُولُ بِهِ مَكَانَهُ وَسُمِّيَ نَائِبُ الْفَاعِلِ "

“Apa (kata kerja) yang dihilangkan pelakunya dan diganti tempatnya oleh objek (kata nama yang dilakukan) serta dinamakan sebagai ‘Pelaku Ganti’ (نَائِبُ الْفَاعِلِ)“.

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan seperti di atas, dapat difahami bahawa istilah kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini adalah merupakan kata kerja yang diubah fungsi dari keadaan asalnya iaitu kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma’lu:m, dengan memansuhkan pelakunya dan digantikan tempat serta peranannya oleh ‘Pelaku ganti’.

Penggunaan ‘Pelaku Ganti’ dalam ilmu tatabahasa Arab amat sinonim dengan perbincangan tentang kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l kerana ia wujud apabila suatu kata kerja dibentuk dengan kaedah al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Perincian berkaitan dengan perihal Pelaku ganti ini dimuatkan dalam perbahasan landasan teori.

2.4.2 Persamaan kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l dengan kata kerja pasif bahasa Melayu :

Secara umumnya, perihal pembentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut tatabahasa Arab juga mempunyai persamaan dengan tajuk yang sepadan dengannya dalam ilmu tatabahasa Melayu, iaitu yang disebut sebagai ‘Kata Kerja Pasif’. Pada masa yang sama, terdapat kaedah nahu yang berkaitan dalam pembentukan kata kerja seperti ini juga ada persamaan antara kedua-dua bahasa ini, seperti istilah ‘Kata Kerja Transitif’ serta ‘Kata Kerja Ekatransitif dan Dwitransitif’ adalah menjurus kepada skop perbincangan yang sepadan dengan kaedah nahu bahasa Arab iaitu “Fe’el Mut’addy” (فَعْلُ الْمُتَعَدِّي) serta “Fe’el Muta’ady Li Maf’u:li Wa:hid Wa Li Maf’u:lain (فَعْلُ الْمُتَعَدِّي لِمَفْعُولٍ وَاحِدٍ وَلِمَفْعُولَيْنِ).

Dari sudut teori pembentukan kata kerja pasif bahasa Arab dan bahasa Melayu terdapat perbezaan yang nyata. Antara perbezaan yang ketara ialah pengekalan pelaku dalam ayat bagi ayat pasif bahasa Melayu, sementara dalam kaedah kata kerja pasif bahasa Arab, pelaku dihilangkan terus dan tidak disebut di dalam ayat.

Menurut Asmah Haji Omar (1993:102)

“Jika ditinjau susunan ayat (bahasa Melayu) dari segi bentuknya, kita dapati bahawa kata kerja transitif dalam susunan ayat Pelaku-Perbuatan-Objek mempunyai bentuk yang berbeza dengan fungsi ayat dalam susunan yang sebaliknya”.

Beliau turut menjelaskan bahawa dalam susunan struktur ayat berkenaan, kata kerja aktif adalah berfungsi pada perbuatan dalam ayat iaitu kata kerja aktif jati yang mengambil awalan *me-* (seperti; menulis/membaca) adalah kata kerja yang boleh dipasifkan. Contoh;

Ali menulis surat

Pelajar itu membaca buku

Manakala jenis kata kerja aktif semu adalah kata kerja yang tidak mempunyai bentuk pasif, yakni yang tidak boleh dikenakan awalan *di-* (seperti; gemar/ punya). Begitu juga halnya dengan kata kerja pasif. Kata kerja pasif jati iaitu kata kerja yang mengambil awalan *di-* (seperti; ditulis/dibaca), yang berfungsi pada perbuatan dalam ayat Objek-Perbuatan-(oleh)-Pelaku. Contoh;

Surat ditulis olehnya

Buku itu dibaca oleh pelajar

Oleh itu, dari aspek makna ayat yang menggunakan kata kerja pasif ada padanan antara kedua-dua bahasa ini, namun banyak ketaksamaan dari sudut fungsi nahuan serta binaan struktur pasif yang tersendiri.

2.4.3 Tujuan Penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l :

Terdapat berbagai-bagai tujuan serta sebab yang disebut oleh para ilmuan nahu terhadap penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam ayat. Menurut pendapat Al-Anba:riyy (1957,p.88) di antara sebabnya adalah seperti berikut;

1. Kerana tidak diketahui pelakunya, Contoh;

سُرِقَ الْمَتَاعُ

(Dicuri barang itu)

Dalam ayat ini, dibina fe'el (kata kerja) dalam bentuk majhu:l (pasif) kerana sememangnya tidak diketahui siapa pelakunya (si pencuri). Didapati barang itu sudah dicuri tanpa mengetahui siapa yang mencurinya, maka ia tidak disebut dalam ayat.

2. Untuk tujuan lafaz (لَفْظِي), seperti contoh berikut;

مَنْ طَابَتْ سِرِّيْنُهُ حُمِدَتْ سِرِّيْنُهُ

Siapa yang mengikut sirahnya dipuji (sirah) perjalanannya itu.

Iaitu lafaz حُمِدَتْ dalam ayat di atas dibina dalam bentuk majhu:l kerana ingin memelihara keseimbangan uslub al-saja' yang tersirat di dalamnya. Uslub al-saja' adalah di antara jenis penyeri lafaz (مُحَسِّنَاتٌ لَفْظِيَّةٌ) di dalam ilmu badi' iaitu membentuk keseimbangan daripada dua rangkap kata dengan penyamaan

huruf serta baris akhir. Jika pelakunya disebut seperti حَمِدَ النَّاسُ سِيرَتَهُ , maka tidak sempurna uslub saja' di dalamnya.

3. Untuk tujuan makna (مَعْنَوِي), contoh dari ayat al-Quran dari surah al-

Muja:dilah ayat 11;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَأَفْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ ط

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila dikatakan kepada kamu supaya memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu.

Kalimah (فَيْلٌ) iaitu kata kerja digunakan dalam bentuk majhu:l kerana pelakunya dimansuhkan dan ia bersifat umum dan tidak ada kepentingan bagi mengetahui siapa pelakunya. Apa yang lebih penting dalam situasi ini ialah untuk memberi respon terhadap perkara yang diminta serta melakukan perintah tersebut. Oleh itu pemansuhan pelaku di dalam ayat ini adalah dimaklumi dari aspek maknanya bahkan ayat menjadi lebih indah dengan penggunaan sedemikian.

Manakala Al-γala:yi:niyy (1995,p.50) menambah beberapa tujuan penggunaannya yang lain iaitu;

4. Kerana telah maklum pelakunya, dan tidak perlu disebut lagi, contoh firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Ma'a:rij pada ayat 19;

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut)

Maka dalam ayat ini tidak perlu dinyatakan siapa pelakunya. Ini adalah kerana sememangnya sudah sedia maklum tentang pelakunya iaitu pencipta manusia. Oleh itu, pemansuhan pelaku dalam ayat ini adalah kerana ianya sudah diketahui walaupun tidak disebut dengan jelas.

5. Kerana menjaga kehormatan pelakunya, contoh ;

(عَمِلَ عَمَلٌ مُنْكَرٌ)

Dilakukan kelakuan jahat

Tidak disebut pelaku dalam ayat ini kerana menghormatinya serta menjaga nama baik kerana perkara yang dilakukan itu tidak baik dan boleh mecemarkan namanya serta menjatuhkan maruah dirinya. Oleh itu pemansuhan pelaku dalam ayat bagi mengelak dia diketahui oleh orang lain dan demi menjaga kehormatan dirinya. .

6. Kerana takut suatu akibat kepada pelaku, contoh ;

(ضُرِبَ رَجُلًا)

Dipukul lelaki itu.

Langkah untuk tidak menyebut siapa pelakunya adalah lebih baik kerana bimbang kemungkinan sesuatu akibat akan berlaku kepadanya jika diketahui oleh orang lain. Oleh itu, menyembunyikan identiti pelakunya dengan menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah sesuai.

7. Kerana takut kepada pelakunya, contoh ;

(سُرِقَ الْحِصَانُ)

Dicuri kuda itu.

Walaupun diketahui pelakunya yang mencuri kuda itu, tetapi tidak disebut kerana bimbang kemungkinan suatu tindakan darinya yang mungkin mudah membuat tindakan yang tidak baik.

8. Kerana tiada faedah disebut pelakunya. Contoh firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa:’ ayat 86 ;

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Dan apabila kamu diberikan penghormatan Dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah Dia (dengan cara Yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Maka tiada faedah daripada menyebut pelakunya, sedangkan yang lebih penting adalah membalas salam dengan baik kepada sesiapa sahaja yang memberi salam.

Sementara itu, Ahmad Qabbiš (1986) menyebut antara sebab penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang lain juga ialah bagi tujuan ringkasan ayat, dan disebabkan rasa takut pada pelaku.

9. Untuk meringkaskan ayat. Contoh firman Allah S.W.T. dalam surah al-Hajj ayat 60;

ذَلِكَ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عُوقِبَ بِهِ

Demikianlah (janji balasan Allah Yang melimpah-limpah itu). dan sesiapa yang membalas kejahatan orang, sama seperti yang dilakukan kepadaNya.

Penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam ayat di atas adalah untuk tujuan meringkaskan ayat atau percakapan berkenaan dengan yang disebutkan. Ayat ini menjadi lebih ringkas dan difahami walaupun tanpa menyebut pelakunya.

Selain itu, dinyatakan juga antara tujuan lain dalam penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam ayat iaitu sebagai tanda penghinaan dan juga bertujuan menyembunyikan pelakunya daripada pengetahuan orang yang mendengar.

2.4.4 Fe'el dalam bentuk al-Mabniyy Li al-Majhu:l :

Dalam perbincangan tentang kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l, terdapat sebahagian fe'el yang dibentuk dan digunakan dalam keadaan al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Antaranya adalah sebagaimana yang disebut oleh Al-Astara:ba:ziyy (1998,v4,p.137) iaitu ;

حُنَّ \ سُلَّ \ زُكِمَ \ وُرِدَ \ حُمَّ \ فُئِدَ .

Manakala Dahda:h (1981,p120) menambah beberapa fe'el yang lain lagi iaitu ;

أُولِعَ \ زُهِيَ \ أُغْمِيَ \ طُلَّ \ عُنِيَ \ غُمَّ \ غُشِيَ .

2.4.5 Tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam silibus sekolah menengah:

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyusun silibus baru bagi mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah serta telah menambahbaik kandungan di dalam buku teks bermula pada tahun 2008 bagi buku teks tingkatan satu yang digunapakai di sekolah menengah di Malaysia khususnya yang berada di bawah seliaan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh itu, pelajar berkenaan menggunakan silibus baru buku teks bahasa Arab di tingkatan tiga pada tahun 2010.

Secara umumnya, kandungan buku teks bahasa Arab tingkatan tiga terdiri daripada sepuluh bab atau disebut sebagai pelajaran (الدَّرْسُ). Setiap bab ini mengandungi empat bahagian skop pembelajaran, iaitu yang utamanya ialah bahagian kefahaman yang merangkumi pembelajaran tentang kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis serta pengayaan bahasa. Manakala bahagian yang lain pula ialah bahagian tatabahasa, bahagian kata-kata hikmat atau bait syair dan bahagian nombor atau bilangan.

Tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dimuatkan dalam silibus pembelajaran tingkatan tiga di dalam bahagian tatabahasa pada bab yang kedua. Batasan perbincangan berkenaan dengan tajuk ini yang digariskan di dalam buku teks adalah secara ringkas berkenaan dengan konsep asas kepada pembentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu memaparkan takrif ringkas kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m dan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l beserta dengan contoh dalam ayat yang ringkas bagi kategori al-Fe'el al-Ma:ðiiyy dan al-Fe'el al-Muðo:ri'. Seterusnya kandungan nota tajuk ini menerangkan takrif Pelaku Ganti (نَائِبُ الْفَاعِلِ) dan konsep asas pembentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang hanya melibatkan kata kerja tiga huruf (الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَجْرَدُ) sahaja. Ianya disusuli dengan bahagian latihan pengukuhan dengan menekankan aspek pemahaman dan kemahiran, iaitu menukarkan baris pada kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l daripada kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m, menukar ayat yang mempunyai kata kerja Transitif kepada ayat yang menggunakan kata kerja kepada al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta fungsi nahuan yang berkaitan dengannya dan membina ayat yang lengkap menggunakan beberapa contoh kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l.

Walaupun batasan silibus yang membincang tentang tajuk ini di dalam buku teks sekolah menengah adalah ringkas dan hanya menyentuh tentang konsep asas sahaja, namun pembelajaran mengenainya dikaitkan secara tidak langsung merentasi pembelajaran tajuk tatabahasa yang lain yang berkaitan dengannya.

2.4.6 Tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pentaksiran peringkat menengah :

Dalam sistem pentaksiran peringkat sekolah menengah di Malaysia masa kini, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan lima, terdapat dua tahap pentaksiran yang dilaksanakan iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi pelajar tingkatan tiga dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pelajar tingkatan lima. Mata pelajaran bahasa Arab adalah salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat menengah dan ia merupakan mata pelajaran wajib bagi semua pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Oleh itu, mata pelajaran ini juga adalah terlibat dalam sistem pentaksiran di peringkat sekolah menengah iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Format pentaksiran mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dilaksanakan dalam tiga bentuk instrumen;

I. Kertas satu;

Soalan kertas satu adalah terdiri daripada jenis item pentaksiran objektif beri jawapan yang mengandungi 40 soalan yang merangkumi konteks soalan perbendaharaan kata, nahu, sorf dan balaghah. Ianya mengukur konstruk dalam

bentuk pengetahuan, aplikasi dan analisis dalam tempoh masa pentaksiran adalah selama satu jam lima belas minit.

II. Kertas dua;

Mengandungi item pentaksiran dalam bentuk ujian subjektif dengan jenis item terbuka dan terhad. Ia mengukur konstruk dalam bentuk pengetahuan, aplikasi dan analisis serta kemahiran membaca dan menulis. Soalan dibahagikan kepada empat bahagian mengikut konstruk yang dinilai. Tempoh menjawab adalah selama dua jam tiga puluh minit.

III. Kertas tiga;

Jenis instrumen adalah ujian lisan yang terdiri daripada item respon terbuka dan terhad. Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bacaan dan kefahaman teks, perbualan terhad serta perbualan terbuka yang mengukur keupayaan kemahiran membaca dan bertutur.

Penguasaan pelajar dalam memahami konsep pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta pengetahuan dalam hubungkait dengan tajuk yang berkenaan dengannya secara khusus dinilai dalam aspek kemahiran menulis, selain daripada kemahiran penggunaan kata kerja ini di dalam membina ayat serta menulis karangan secara umumnya. Berikut adalah antara contoh bentuk soalan yang berkenaan dengan penguasaan pelajar terhadap kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta tajuk berkaitan dengannya yang pernah diuji dalam item pentaksiran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia;

Contoh 1:

Kertas soalan SPM 2006 kertas 2: Soalan ketiga (Nombor 4)

مَثَلٌ لِمَا يَأْتِي فِي جُمَلٍ مُفِيدَةٍ:

٤ . جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ نَائِبُ الْفَاعِلِ فِيهَا جَمْعُ التَّكْسِيرِ

Contoh 2:

Kertas soalan SPM 2004 kertas 1: Soalan 10,11 dan 12 (Bahagian Sorf)

حَوَّلَ الْفِعْلَ الْمَعْلُومَ إِلَى الْمَجْهُولِ مَعَ ضَبْطِهِ بِالشَّكْلِ فِيمَا يَأْتِي:

١٠ . يَضَعُ عُثْمَانُ الْكِتَابَ فِي الدَّرَجِ.

١١ . يَضْرِبُ الْوَلَدُ الْقِطَّةَ.

١٢ . أَكْرَمَتْ فَاطِمَةُ وَالِدَهَا.

2.5 Landasan Teori kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhul :

Dalam bahagian ini penyelidik membentangkan landasan teori yang menjadi asas kepada kefahaman serta kemahiran dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhul dengan pelbagai jenis dan aspek yang berkaitan dengannya. Di samping itu,

perbincangan tentang teori Pelaku Ganti yang mempunyai kaitan langsung dengan tajuk kajian turut dikupas dalam ruang lingkup yang berkenaan samaada dari aspek pembentukannya, jenis-jenisnya dan lain-lain.

Rangka perbahasan berkenaan landasan Teori adalah seperti berikut;

2.5.1 Konsep asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l :

Sebagaimana yang difahami dari definisi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang dibahaskan pada perbincangan yang lepas, dapat disimpulkan bahawa ia adalah kata kerja yang tidak disebut pelakunya (الْفَاعِلُ) di dalam ayat kerana tujuan tertentu, bahkan digantikan tempat pelakunya itu dengan objek (مَفْعُولٌ بِهِ) di dalam ayat itu yang bertukar fungsi nahunya daripada fungsi objek kepada fungsi pelaku. Kata kerja yang boleh dibentuk sebagai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ialah kata kerja Transitif (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌّ) sahaja kerana ianya memerlukan objek samaada satu atau dua atau tiga bagi melengkapkan struktur ayat. Contoh;

قَرَأَ الطَّالِبُ الْكِتَابَ كُلَّ يَوْمٍ

(Pelajar itu membaca buku setiap hari)

قُرِئَ الْكِتَابُ كُلَّ يَوْمٍ

(Buku itu dibaca setiap hari)

Walaupun bagaimanapun terdapat juga dalam situasi tertentu, kata kerja Tak Transitif (فَعْلٌ)

(الَّذِي) yang dibentuk sebagai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l iaitu apabila Pelaku

Gantinya (نَائِبُ الْفَاعِلِ) adalah masdar (مَصْدَرٌ) atau zorf (ظَرْفٌ) atau ja:r wa majru:r (جَارٌ

وَمَجْرُورٌ), contoh;

سُهِرَ سَهْرٌ طَوِيلٌ

صِيَمَ رَمَضَانَ

جَلَسَ فِي الْحَدِيقَةِ

Konsep asas dalam pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l lebih mudah difahami dengan aplikasi ke atas al-Fe'el al-Sohi:h al-Sa:lim (الْفِعْلُ الصَّحِيحُ السَّالِمُ) kerana pola hurufnya yang tetap. Perbincangan berkenaan kaedah pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis fe'el yang lain akan diperincikan dalam tajuk berikutnya. Oleh itu, konsep asas pembentukan kata kerja ini boleh dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan kepada waktu lakunya iaitu al-Fe'el al-Ma:diyy (الْفِعْلُ الْمَاضِي) dan al-Fe'el al-Muḏo:ri' (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ). Konsep asas ini juga merupakan kaedah yang dibincangkan dalam silibus bahasa Arab di peringkat menengah iaitu dalam sukatan buku teks tingkatan tiga keluaran tahun 2010.

Konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l bagi al-Fe'el al-Ma:diyy adalah seperti berikut, iaitu ditandakan baris kasrat (◌) pada huruf sebelum akhir dan ditandakan baris ḍammat(◌) huruf yang mempunyai baris sebelumnya, contoh;

كُتِبَ ← كَتَبَ

أُكْرِمَ ← أَكْرَمَ

تُعَلِّمُ ← تَعَلَّمَ

أَسْتَغْفِرُ ← اسْتَعْفَرَ

Bagi kaedah pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l untuk al-Fe'el al-Muḍo:ri' pula ialah ditandakan baris ḍammat(◌) pada huruf pertama serta ditandakan baris fathat (◌) pada huruf sebelum akhir, contoh;

يَكْتُبُ ← يَكْتُبُ

يُكْرِمُ ← يُكْرِمُ

يُعَلِّمُ ← يُعَلِّمُ

يَسْتَغْفِرُ ← يَسْتَغْفِرُ

Manakala (فِعْلُ الْأَمْرِ) yang bermaksud suruhan atau perintah lakunya, tidak membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l kerana pelakunya adalah kata nama yang

ditujukan perintah (laku kata kerja) kepadanya. Oleh sebab itu, pelakunya adalah disebut dan tidak boleh dihilangkan.

2.5.1.1 Perbezaan antara kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l (kata kerja Pasif) dan kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m (kata kerja Aktif) :

Pembahagian fe'el jika dilihat dari aspek disebut pelakunya atau tidak maka ia dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu; kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l (الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ) dan kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m (الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ). Perbezaan yang utama antara dua jenis fe'el ini ialah berdasarkan kepada wujud pelakunya atau tidak di dalam ayat.

Kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m adalah yang disebut pelaku bersamanya di dalam ayat samaada dengan menggunakan kata kerja Transitif (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌّ) atau kata kerja Tak Transitif (فِعْلٌ لَّا زِمٌّ). Contoh;

(Guru menulis pelajaran) يَكْتُبُ الْمُعَلِّمُ الدَّرْسَ

(Pengetua keluar dari bilik) يَخْرُجُ الْمُدِيرُ مِنَ الْعُرْفَةِ

Manakala kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l tidak disebut pelakunya, bahkan diganti tempat pelakunya dengan objek di dalam ayat dan berfungsi sebagaimana fungsi nahu pelaku. Oleh itu, kata kerja jenis ini hanya melibatkan kata kerja Transitif (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌّ) sahaja secara umumnya kecuali dalam keadaan tertentu seperti mana yang dijelaskan

dalam perbincangan yang lepas. Kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah di bentuk daripada kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lu:m dengan mengubah pola baris huruf pada fe'el berkenaan mengikut kaedah morfologi(sorf) yang tertentu.

2.5.2 Fungsi nahuan yang berkaitan:

Berikut ini dibincangkan aspek nahu dalam tatabahasa Arab yang berkaitan secara langsung dengan penggunaan kaedah serta aplikasi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l.

2.5.2.1 Perihal Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif

(الفِعْلُ اللَّازِمُ):

Kata Kerja Transitif atau al-Fe'el al-Muta'addiy (الفِعْلُ الْمُتَعَدِّي) ialah fe'el yang mana pelakunya memerlukan kepada objek (مَفْعُولٌ بِهِ), samaada satu atau dua atau tiga bagi melengkapkan maksud ayat. Manakala Kata Kerja Tak Transitif (الفِعْلُ اللَّازِمُ) ialah fe'el yang mana pelakunya tidak memerlukan kepada objek (مَفْعُولٌ بِهِ) dalam menyempurnakan maksud ayat. Ia tidak boleh membentuk ismu al-Maf'u:l (اسْمُ الْمَفْعُولِ) secara lazim. Kata kerja ini juga dikenali sebagai

al-Fe'lu al-Qa:sir(الْفِعْلُ الْقَاصِرُ) atau al-Fe'lu ḵaira al-Wa:qi'(الْفِعْلُ غَيْرَ الْوَاقِعِ)

.Namun terdapat juga keadaan yang boleh menjadikan kata kerja Tak Transitif perlu kepada objek untuk melengkapkan maksud ayat iaitu;

- Apabila digunakan dengan wazan (أَفْعَلَ), contoh; أَتَجَى الرَّجُلُ صَاحِبَهُ
- Apabila digunakan dengan wazan (فَعَّلَ), contoh; عَظَّمْتُ الْعُلَمَاءَ
- Apabila ditambah alif selepas huruf pertama (فَاعَلَ), contoh; جَالَسَ الرَّجُلُ

الْأَخْيَارَ

2.5.2.2 Jenis Kata Kerja Transitif;

Kata Kerja Transitif mempunyai hubungan langsung dengan pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l kerana fungsi objek di dalam ayat yang mengambil tempat pelaku yang dihilangkan yang disebut sebagai Pelaku Ganti. Dalam ilmu tatabahasa Arab, kata kerja Transitif terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu;

1) Kata Kerja Ekatransitif (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌ لِمَفْعُولٍ وَاحِدٍ)

Iaitu fe'el yang memerlukan kepada satu objek sahaja (مَفْعُولٌ وَاحِدٌ) untuk

melengkapkan maknanya. Contoh; يَكْتُبُ الْمَعْلَمُ الدَّرْسَ

II) Kata Kerja Dwitransitif (فِعْلٌ مُتَعَدِّيٌّ لِمَفْعُولَيْنِ)

Iaitu fe'el yang memerlukan kepada dua objek (مَفْعُولَيْنِ) bagi menyempurnakan maknanya di dalam ayat. Kata kerja ini terbahagi kepada dua jenis iaitu;

i) Jenis objeknya adalah asal daripada Mubtada' dan khabar (مُبْتَدَأٌ وَخَبْرٌ).

Ianya terbahagi kepada empat bahagian mengikut fungsinya, iaitu;

a) Af'a:l al-Qulu:b (أَفْعَالُ الْقُلُوبِ) dinamakan demikian kerana ianya

melibatkan rasa naluri dalaman di dalam hati. Bahagian fe'el ini

boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu Af'a:l al-Yaqi:n (الْيَقِينُ)

dan Af'a:l al-Zann (الظَّنُّ) ;

b) Af'a:l al-Yaqi:n adalah fe'el yang mengandungi maksud rasa yakin

dan jelas. Antaranya seperti berikut; (أَلْفَى \ تَعَلَّمَ \ دَرَى \ رَأَى \ عَلِمَ

(\ وَجَدَ). Contoh;

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا ۝ وَنَرَاهُ قَرِيبًا ۝

c) Af'a:l al-Zann (أفعالُ الظنِّ) pula adalah fe'el yang menunjukkan maksud sangkaan atau andaian. Antara fe'el yang digunakan seperti berikut; $\text{جَعَلَ} \setminus \text{ظَنَّ} \setminus \text{حَجَا} \setminus \text{عَدَّ} \setminus \text{زَعَمَ} \setminus \text{هَبَّ} \setminus \text{خَالَ} \setminus \text{حَسِبَ}$. Contoh;

وَتَحَسَّبُهُمْ أَيَقَاطَا وَهُمْ رُقُودٌ

d) Af'a:l al-Tahwi:l (أفعالُ التَّحوِيلِ) iaitu fe'el yang membawa maksud (صَيَّرَ) iaitu mengubah atau menukar keadaan sesuatu. Antaranya ; $\text{صَيَّرَ} \setminus \text{تَخَيَّرَ} \setminus \text{إِتَّخَذَ} \setminus \text{تَرَكَ} \setminus \text{وَهَبَ} \setminus \text{جَعَلَ} \setminus \text{رَدَّ}$. Contoh dari firman Allah

S.W.T.;

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِن بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا

ii) Jenis objeknya bukan asal Muftada' dan khabar, iaitu selain daripada konteks Muftada' dan khabar. Antara fe'elnya ialah; $\text{أَعْطَى} \setminus \text{سَأَلَ} \setminus \text{مَنَعَ}$;

Contoh ; $\text{مَنَعَ} \setminus \text{كَسَا} \setminus \text{أَلْبَسَ} \setminus \text{عَلَّمَ}$;

مَنَحَتِ الْحُكُومَةُ الْمُتَفَوِّقِينَ الْجَوَائِزَ

(Kerajaan menganugerahkan penghargaan kepada orang yang berjaya itu.)

III) Transitif tiga objek (فِعْلُ الْمُتَعَدِّي إِلَى ثَلَاثَةِ مَفَاعِيلٍ)

Iaitu fe'el yang mana pelakunya memerlukan kepada tiga objek bagi melengkap maksud ayat. Antaranya ; \ أَرَى \ أَعْلَمَ \ نَبَأًا \ أَنْبَأَ \ أَخْبَرَ \ خَبَّرَ \

حَدَّثَ . Contoh;

أَعْلَمْتُ عَلِيًّا الْخَبَرَ صَحِيحًا

(Saya memberitahu Ali bahawa berita itu sah)

2.5.2.3 Perihal Pelaku Ganti (نَائِبُ الْفَاعِلِ);

I) Definisi Pelaku Ganti:

Sebagaimana definisi tentang kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam subtajuk yang terdahulu yang memetik pandangan daripada para ilmuan nahu arab, ianya secara tidak langsung turut menyentuh maksud bagi pelaku ganti. Mafhum dari segi istilahnya boleh dirujuk kepada pandangan-pandangan berikut seperti yang dinyatakan oleh al-Na:diriyy (1997,p.503) :

"نَائِبُ الْفَاعِلِ هُوَ اسْمٌ مَرْفُوعٌ أُسْنِدَ إِلَيْهِ فِعْلٌ مَجْهُولٌ أَوْ شَبِيهُهُ"

(Pelaku ganti ialah kata nama yang indikatif yang disandarkan kepadanya

kata kerja al-Majhu:l atau yang seumpamanya)

Sementara Al-ḡala:yi:niyy (1995,p.246) juga memberikan takrifan yang hampir sama iaitu;

"نَائِبُ الْفَاعِلِ هُوَ الْمُسْنَدُ إِلَيْهِ بَعْدَ الْفِعْلِ الْمَجْهُولِ أَوْ شَبِيهِهِ"

(Pelaku ganti ialah perkara yang disandarkan kepadanya (fe'el) selepas kata kerja al-Majhu:l atau yang seumpamanya)

Manakala Ibnu al-Sira:j al-Nahwi al-Bayda:diyy (1978.p.92) menyebut maksud yang berikut berkenaan dengan pelaku ganti;

"نَائِبُ الْفَاعِلِ هُوَ حُذْفُ الْفَاعِلِ لِدَوَاعِ كَثِيرَةٍ كَرُغْبَةٍ فِي اخْتِصَارِ أَوْ الْجَهْلِ بِهِ أَوْ خَوْفِ"

عَلَيْهِ, وَفِيَامِ النَّائِبِ عَنْهُ مَقَامُهُ"

(Pelaku ganti iaitu dimansuhkan pelaku kerana banyak sebab seperti ingin ringkaskan ayat, tidak tahu pelakunya atau takut kepada pelakunya, dan digantikan tempatnya oleh penggantinya)

Seterusnya Ibnu Hiṣa:m al-Ansa:riyy (p.204) memberikan pernyataan berikut sebagai takrif pelaku ganti ;

"النَّائِبُ عَنِ الْفَاعِلِ: يُحْذَفُ الْفَاعِلُ وَيَنْوَبُ عَنْهُ فِي أَحْكَامِهِ كُلِّهَا مَفْعُولٌ بِهِ, فَإِنْ لَمْ يُوجَدْ"

فَمَا اخْتَصَّ وَتَصَرَّفَ مِنْ ظَرْفٍ أَوْ مَجْرُورٍ أَوْ مَصْدَرٍ"

(Pelaku ganti: dimansuhkan pelaku lalu digantikan tempat serta hukumnya oleh objek, dan jika tiada (objek) maka boleh juga digantikan dengan apa

yang muxtass dan mutasarrif dari kalangan zorf, kata nama majru:r ataupun masdar)

Oleh itu, dapat difahami dari pernyataan tentang definisi pelaku ganti di atas bahawa ia membawa maksud kata nama yang disandarkan kepadanya kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l atau suatu yang seumpama dengannya iaitu yang boleh mengambil tempatnya. Contoh bagi maksud kata nama yang disandarkan kepadanya kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah seperti berikut;

(Orang 'alim itu dihormati) يُكْرَمُ الْعَالِمُ

Manakala contoh bagi maksud kata nama yang disandarkan kepadanya suatu yang seumpama dengan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah seperti berikut;

(Orang yang disayangi itu akhlaknya mulia) الْمَحْبُوبُ خُلُقُهُ كَرِيمٌ

Apabila digunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam ayat bagi tujuan tertentu, maka pelaku akan dihilangkan dan tidak disebut lagi. Tempatnya diganti oleh pelaku ganti iaitu objek atau seumpama dengannya dalam ayat tersebut yang turut mengambil hukum nahuan pelaku.

II) Perkara yang boleh menjadi Pelaku Ganti:

Diantara perkara yang boleh menggantikan pelaku yang tidak disebut di dalam ayat apabila menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l seterusnya bertindak sebagai pelaku ganti di dalam ayat tersebut adalah seperti berikut;

i) Objek (الْمَفْعُولُ بِهِ)

Al-Maf'u:l bih ialah objek di dalam ayat yang menggunakan kata kerja Transitif. Ia adalah elemen yang paling layak untuk dijadikan sebagai pelaku ganti. Jika terdapat objek dalam ayat, maka elemen lain tidak boleh mengambil tempat sebagai pelaku ganti. Al-Maf'u:l bih bertukar hukum nahuannya dengan iaitu dengan mengambil hukum nahuan bagi pelaku asal. Contoh;

أَكْرَمَ الْفَائِزُ أَمَامَ الطَّلَبَةِ بِجَائِزَةٍ سَنِيَّةٍ إِكْرَامًا عَظِيمًا

Sekiranya terdapat dalam ayat lebih daripada daripada satu objek iaitu samaada dua atau tiga objek, maka objek yang pertama berhak mengambil tempat sebagai pelaku ganti. Contoh; مُنِحَ الْفَائِزُ جَائِزَةً

Namun bagi situasi tertentu, objek kedua boleh mengambil tempat sebagai pelaku ganti khusus bagi (أَعْطَى). Contoh; أُعْطِيَ الْفَقِيرَ دِينَارًا

Walaupun bagaimanapun dalam situasi yang boleh menimbulkan kekeliruan makna dalam ayat, maka objek yang pertama perlu menggantikan tempat pelaku ganti bagi mengelak daripada kekeliruan untuk memahami maksud ayat. Contoh; أُعْطِيَ سَعِيدٌ سَعْدًا , perlu disebut seperti contoh ini : (

أُعْطِيَ سَعِيدًا سَعْدًا

ii) Al-Majrur bi harfi al-Jarr: الْمَجْرُورُ بِحَرْفِ الْجَرِّ

Al-Majrur bi harfi al-Jarr juga boleh mengambil tempat sebagai pelaku ganti dengan syarat ianya bukan bersama Lam al-Ta'li:l (لَأَمْ التَّعْلِيلِ). Dalam situasi ini pelaku ganti mengambil hukum i'ra:b mahallan (مَحَلًّا) tetapi masih dalam bentuk majrur pada lafaznya. Contoh; (وَلَمَّا سَقَطَ فِي أَيْدِيهِمْ)

Dalam situasi ini juga, gender pelaku ganti tidak mempengaruhi fe'el yang digunakan dalam ayat. Maka fe'el tidak perlu diubah mengikut gender pelaku ganti al-Majrur bi harfi al-Jarr bahkan ia perlu kekal berada dalam bentuk asalnya. Contoh; (ذُهِبَ بِفَاطِمَةَ)

iii) Al-Zorf al-Mutasorriif al-Muḫtass : الظرف المتصرف المختص

Al-Zorf al-Mutasorriif ialah jenis zorf yang boleh disandar sesuatu kepadanya dan boleh digunakan dalam berbagai bentuk I'ra:b seperti marfu:' atau mansu:b atau majru:r, seperti (يَوْمٌ \ لَيْلٌ \ شَهْرٌ \ مَجْلِسٌ).

Manakala istilah Al-Zorf al-Muḫtass pula merujuk kepada jenis zorf bukan mubham iaitu yang mengandungi maksud yang khusus samaada bi al-wasfi (بالوصف) atau bi al-iḏo:fat (بالإضافة) atau bi al-alamiiyyah (بالعلمية).

- Contoh (بالوصف): قَضِيَ يَوْمٌ بَهِيحٌ
- Contoh (بالإضافة): سُهْرَتٌ لَيْلَةٌ الْقَدْرِ
- Contoh (بالعلمية): يُعْرَفُ تَمُوزٌ بِشِدَّةِ حَرَارَتِهِ

iv) Al-Masdar al-Mutasorriif al-Muḫtass : المصدر المتصرف المختص

Al-Masdar al-Mutasorriif ialah jenis masdar yang boleh digunakan dalam berbagai bentuk I'ra:b seperti marfu:' atau mansu:b atau majru:r, mengikut kedudukannya dalam ayat. Sama juga seperti istilah al-Muḫtass pada zorf, Al-Masdar al-Muḫtass mengandungi maksud tertentu dan bukan mubham. Ianya dalam bentuk bi al-wasfi (بالوصف) atau bibaya:ni al-‘Adad (ببيان العدد) atau bibaya:ni al-Nau’ (ببيان النوع).

- Contoh (بالوصف): وَقَفَ وَقُوفٌ طَوِيلٌ

- Contoh (بَيَّانِ الْعَدَدِ): نَظَرَ فِي الْأَمْرِ نَظْرَتَانِ
- Contoh (بَيَّانِ النَّوْعِ): قُوْتَلِ قِتَالُ الشُّجْعَانِ

Manakala jenis Al-Masdar γairu al-Mutasorrif (الْمَصْدَرُ غَيْرُ الْمُتَصَرِّفِ) ialah jenis masdar yang hanya dalam keadaan i'ra:b mansu:b dengan bentuk maf'u:l al-Mutlaq, seperti (مَعَاذَ اللَّهِ \ سُبْحَانَ اللَّهِ). Maka ianya tidak boleh menggantikan tempat pelaku sebagai pelaku ganti dalam ayat.

III) Jenis-jenis Pelaku Ganti

Jenis Pelaku ganti terbahagi kepada tiga iaitu;

- sori:h (صَرِيحٌ), iaitu secara jelas. Contoh; يُحْمَدُ الطَّالِبُ عَلَى نَجَاحِهِ
- ḏomi:r (ضَمِيرٌ), iaitu samaada ḏomi:r muttasil (مُتَّصِلٌ) atau ḏomi:r munfasil (مُنْفَصِلٌ). Contoh; سَأَلْتُ فَأَجَبْتُ \ فَاطِمَةُ تُكْرَمُ
- muawwal (مُوَوَّلٌ). Contoh; يُحْمَدُ أَنْ نَجَّهْتَهُمْ وَأَيُّ إِجْتِهَادِكُمْ
- Kata nama Mause:l (اسْمُ الْمَوْصُولِ).
- Kata Nama Tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ)

2.5.3) Kaedah pembentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dari jenis kata kerja mengikut aspek strukturnya.

Ia terbahagi kepada dua bahagian utama;

2.5.3.1) Kata kerja Mujarrad (المَجْرَدُ)

Kata kerja Mujarrad iaitu fe'el yang dibina daripada huruf-huruf yang asal tanpa huruf tambahan. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

I. Kata kerja Tiga Huruf Asal (الفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَجْرَدُ)

Iaitu fe'el yang dibina daripada tiga huruf asalnya yang tidak ditambah dengan mana-mana huruf yang lain. Kaedah pembentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kata kerja tiga huruf asal menurut Al-Dahdah.A (1997.p.120) terdapat dalam enam wazan seperti berikut;

Jadual 2.1 : Wazan dan contoh kata kerja Tiga Huruf Asal

الْأَمْتَلَةُ لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانُ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُفْتَحُ	فُتِحَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	١
يُكْتَبُ	كُتِبَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	٢
يُضْرَبُ	ضُرِبَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	٣
يُعْضَبُ	عُضِبَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	٤
يُؤْتَقُ	وُتِقَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	٥
يُكْبَرُ	كَبِرَ	يُفْعَلُ	فُعِلَ	يَفْعَلُ	فَعَلَ	٦

مثل :

[*Dibuka jendela itu pada waktu pagi*] فُتِحَتِ النَّافِذَةُ فِي الصَّبَاحِ .

[*Ditulis nota itu pada papan kenyataan*] تُكْتُبُ الْمَذَكَّرَةُ فِي اللُّوْحَةِ .

II. Kata kerja Empat Huruf Asal (الفِعْلُ الرَّبَاعِيُّ الْمَحْرَدُ)

Iaitu fe'el yang dibina daripada empat huruf asalnya yang tidak ditambah dengan mana-mana huruf yang lain. Pembentukan kata kerja jenis ini dalam satu wazan sahaja iaitu seperti berikut;

Jadual 2.2 : Wazan dan contoh kata kerja Empat Huruf Asal

الْأَمثلة لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		وَزْنٌ لِمَعْلُومٍ	
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ
يُزَلِّزُ	زَلَزَ	يُفَعِّلُ	فَعَّلَ	يُفَعِّلُ	فَعَّلَ

مثل :

Apabila digoncang bumi ini dengan goncangan] إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١٠﴾

[yang kuat

2.5.3.2) Kata kerja Mazi:d; (الْمَزِيدُ)

Iaitu fe'el yang ditambah dari huruf asalnya samaada dengan tambahan satu huruf atau dua huruf atau tiga huruf daripada huruf-huruf tambahan yang berikut (س \ أ)

" سَأَلْتُمُونِيهَا " (ل \ ت \ م \ ن \ ي \ ه \ ا) yang terkandung dalam ringkasan perkataan

" , ataupun diulang huruf asal fe'el menjadikan ia bertambah. Penambahan pola huruf pada fe'el asal samaada fe'el tiga huruf atau empat huruf ini adalah untuk tujuan tertentu serta mengubah makna pada fe'el asal. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

I. Kata kerja Tiga Huruf (الْفِعْلُ الثَّلَاثِيُّ الْمَزِيدُ)

Iaitu fe'el yang dibina daripada tiga huruf asalnya yang ditambah dengan mana-mana huruf tambahan yang telah disebut di atas, samaada satu huruf atau dua huruf atau tiga huruf. Pecahan bahagiannya adalah seperti berikut;

i. Kata kerja Tiga Huruf ditambah satu huruf (مَزِيدٌ ثَلَاثِيٌّ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ)

Jadual 2.3 : Wazan dan contoh kata kerja Tiga Huruf ditambah satu huruf

الْأَمثلة لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانٌ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُفَصِّلُ	فُصِّلَ	يُفَعِّلُ	فُعِّلَ	يُفَعِّلُ	فَعِّلَ	١
يُقَاتِلُ	قُوِّتِلَ	يُفَاعِلُ	فُوْعِلَ	يُفَاعِلُ	فَاعِلَ	٢
يُكْرِمُ	أُكْرِمَ	يُفَعِّلُ	أُفْعِلَ	يُفَعِّلُ	أَفْعَلَ	٣

ii. Kata kerja Tiga Huruf ditambah dua huruf (مَزِيدُ الثَّلَاثِيِّ بِحَرْفَيْنِ)

Jadual 2.4 : Wazan dan contoh kata kerja Tiga Huruf ditambah dua huruf

الْأَمْثَلَةُ لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانُ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُنَكِّرُمُ	نُكِّرِمُ	يُنْفَعَلُ	نُفَعِلُ	يَنْفَعَلُ	نَفَعَلُ	١
يَتَبَاعَدُ	تَبَوَّعَدُ	يُنْفَاعَلُ	نُفَوِّعَلُ	يَنْفَاعَلُ	نَفَاعَلُ	٢
يُنْكَسِرُ	انْكَسِرَ	يُنْفَعَلُ	انْفَعِلَ	يَنْفَعِلُ	انْفَعَلَ	٣
يُفْتَخِرُ	افْتَخِرَ	يُفْتَعَلُ	افْتَعِلَ	يُفْتَعِلُ	افْتَعَلَ	٤
-	-	-	-	يَفْعَلُّ	افْعَلَّلُ	٥

iii. Kata kerja Tiga Huruf ditambah tiga huruf (مَزِيدُ الثَّلَاثِيِّ ثَلَاثَةَ أَحْرَافٍ)

Jadual 2.5 : Wazan dan contoh kata kerja Tiga Huruf ditambah tiga huruf

الْأَمْثَلَةُ لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانُ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُسْتَخْرِجُ	اسْتَخْرَجَ	يُسْتَفْعَلُ	اسْتَفْعِلَ	يَسْتَفْعِلُ	اسْتَفْعَلَ	١
يُعْشَو شَبُّ	اعْشَوْ شَبَّ	يُفْعَوِّعَلُ	افْعَوِّعِلَ	يُفْعَوِّعِلُ	افْعَوِّعَلَ	٢

II. Kata kerja Empat Huruf (الْفِعْلُ الرَّبَاعِيُّ الْمَزِيدُ)

Iaitu fe'el yang dibina daripada empat huruf asalnya yang ditambah dengan mana-mana huruf tambahan yang tersebut, samaada satu huruf atau dua huruf, dan pembahagiannya adalah seperti berikut;

i. Kata kerja Empat Huruf ditambah satu huruf (مَزِيدٌ الرَّبَاعِيُّ بِحَرْفٍ وَاحِدٍ)

Jadual 2.6 : Wazan dan contoh kata kerja Empat Huruf ditambah satu huruf

الْأَمْثَلَةُ لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانٌ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُتَدَخَّرُ	تُدَخَّرُ	يُتَفَعَّلُ	تُفَعَّلُ	يَتَفَعَّلُ	تَفَعَّلَ	١

ii. Kata kerja Empat Huruf ditambah dua huruf (مَزِيدٌ الرَّبَاعِيُّ بِحَرْفَيْنِ)

Jadual 2.7 : Wazan dan contoh kata kerja Empat Huruf ditambah dua huruf

الْأَمْثَلَةُ لِلْمَجْهُولِ		مَجْهُولٌ		أَوْزَانٌ لِمَعْلُومٍ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُحَرِّجُ	أَحْرَجَ	يُفَعِّلُ	أَفْعَلَّ	يَفَعِّلُ	أَفْعَلَّ	١
يُكْفِرُ	أَكْفَرَّ	يُفَعِّلُ	أَفْعَلَّ	يَفَعِّلُ	أَفْعَلَّ	٢

2.5.4) Kaedah pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dari jenis kata kerja mengikut aspek binaannya

Menurut teori Al-Asmar (1993,p.436) ia terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu al-Fe'el al-Sohi:h dan al-Fe'el al-Mu'tal:

2.5.4.1) Kata Kerja Sohik; (الْفِعْلُ الصَّحِيحُ)

Kata kerja Sohik ialah fe'el yang dibentuk oleh huruf asalnya yang bukan dari kalangan huruf 'illah (حَرْفُ الْعِلَّةِ). Ia dipecahkan kepada tiga jenis;

D) Al-Sa:lim (السَّالِمُ)

Iaitu fe'el yang dibentuk daripada pola huruf asalnya yang sohi:h dan bukan daripada huruf 'illah atau hamzah atau pengulangan huruf (ّ).

Jadual 2.8 : Pembentukkan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Sohik Al-

Sa:lim

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُكْتُبُ	كُتِبَ	يكتب	كَتَبَ	. ١
يُعَلِّمُ	عُلِّمَ	يعلم	عَلَّمَ	. ٢

II) Al-Mahmu:z (الْمَهْمُوزُ)

Iaitu fe'el yang dibentuk daripada salah satu huruf asalnya adalah hamzah (أ), samaada huruf pertama (ف), kedua(ع) atau ketiga(ل).

Jadual 2.9 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Sohi:h

Al-Mahmu:z

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُؤْكَلُ	أُكِلَ	يَأْكُلُ	أَكَلَ	. ١
يُؤْخَذُ	أُخِذَ	يَأْخُذُ	أَخَذَ	. ٢

III) Al-Muḍa'af (الْمُضَعَّفُ)

Iaitu fe'el yang mana salah satu daripada huruf asalnya adalah sama(berulang) dengan tidak menambah struktur asal fe'el tersebut.

Jadual 2.10 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Sohi:h Al-

Muḍa'af

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُعَدُّ	عَدَّ	يَعُدُّ	عَدَّ	. ١
يُفَرِّقُ	فَرَّقَ	يَفْرِقُ	فَرَّقَ	. ٢

2.5.4.2) Kata kerja Mu'tall; (الْفُعْلُ الْمُعْتَلُّ)

Al-Fe'el al-Mu'tall ialah fe'el yang dibentuk pola huruf asalnya dari kalangan huruf 'illah (حَرْفُ الْعِلَّةِ). Ia terbahagi kepada empat jenis berdasarkan kedudukan huruf 'illah di dalam kalimat fe'el.

I) Al-Miθa:l (الْمِثَالُ)

Iaitu jenis Fe'el Mu'tall yang dibentuk oleh huruf 'illah pada pola huruf pertama (ف). Ia dinamakan sebagai al-Miθa:l kerana bermaksud 'serupa' iaitu menyerupai fe'el sohi:h pada tidak berlaku i'la:l padanya bagi fe'el Ma:ḏiyy.

Jadual 2.11 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Mu'tall

Al-Miθa:l

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُوصَفُ	وُصِفَ	يَصِفُ	وَصَفَ	. ١
يُوضَعُ	وُضِعَ	يَضَعُ	وَضَعَ	. ٢

II) Al-Ajwaf (الأجوف)

Iaitu jenis Fe'el Mu'tall yang dibentuk oleh huruf 'illah pada pola huruf kedua(ع).

Jadual 2.12 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Mu'tall Al-Ajwaf

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُنَالُ	نِيلَ	يَنَالُ	نَالَ	. ١
يُبَاعُ	بِيعَ	يَبِيعُ	بَاعَ	. ٢
يُقَالُ	قِيلَ	يَقُولُ	قَالَ	. ٣

III) Al-Na:qis (الناقص)

Iaitu jenis Fe'el Mu'tall yang dibentuk oleh huruf 'illah pada pola huruf ketiga(ل).

Jadual 2.13 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Mu'tall Al-

Na:qis

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُدْعَى	دُعِيَ	يَدْعُو	دَعَا	. ١
يُرْمَى	رُمِيَ	يُرْمِي	رَمَى	. ٢
يُنْهَى	نُهِيَ	يَنْهَى	نَهَى	. ٣

IV) Al-Lafi:f (الْلَفِيْفُ)

Iaitu jenis Fe'el Mu'tall yang dibentuk oleh dua huruf 'illah pada pola huruf asalnya. Ia terbahagi kepada dua jenis mengikut kedudukan dua huruf 'illah yang membentuk fe'el, iaitu;

- D) Al-Lafi:f Al-Mafru:q (الْلَفِيْفُ الْمَفْرُوقُ) Dua huruf 'illah dipisahkan antara keduanya.

Jadual 2.14 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Mu'tall Al-

Lafi:f Al-Mafru:q

الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		الْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُومِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُوَلَّى	وُلِيَ	يَلِي	وَلِيَ	. ١
يُوفَى	وُفِيَ	يَفِي	وَفِيَ	. ٢

II) Al-Lafi:f Al-Maqr:n (اَللَّفِيفُ الْمَقْرُونُ) Dua huruf ‘illah berdekatan antara keduanya dan tidak dipisahkan.

Jadual 2.15 : Pembentukan al-Mabniyy Li al-Majhu:l kategori Mu’tall

Al-Lafi:f Al-Maqr:n

اَلْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ		اَلْمَبْنِيُّ لِلْمَعْلُوْمِ		
مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	مُضَارِعٌ	مَاضِيٌّ	
يُطَوِّي	طَوَّى	يَطْوِي	طَوَى	. ١
يُحْيَا	حَيَّى	يَحْيَا	حَيَّ	. ٢

2.5.5) Kaedah pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi fe’el yang sebelum huruf akhir adalah huruf ‘illah;

Bagi pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l untuk fe’el yang sebelum huruf akhir adalah huruf ‘illah, maka perbincangan berkenaannya adalah seperti berikut;

Bagi al-Fe’el al-Ma:diyy yang selain daripada fe’el enam huruf, maka huruf alif (huruf ‘ilah) itu ditukar kepada huruf ya’(ي) dan dibariskan semua huruf yang berbaris sebelumnya dengan baris kasrat (◌ِ). Contoh : (اِقْتَادَ \ اِحْتَاَجَ) menjadi (اِقْتَيْدَ \ اِحْتَيْجَ).

Manakala bagi fe'el enam huruf pula, huruf alif (huruf 'ilah) itu ditukar kepada huruf ya' (ي) dan dibariskan ḍommat (◌ُ) pada hamzah di awal fe'el serta huruf yang ketiga, dan dibariskan kasrat (◌ِ) pada huruf sebelum ya'. Contoh : (إِسْتَبَّ \ إِسْمَاحَ) ditukar kepada (أَسْتَبَّ \ أَسْتَمِيعَ).

Bagi binaan pada al-Fe'el al-Muḍa:ri' pula, maka ditukar huruf al-Madd kepada alif, seperti; (يُيَاغ \ يُسْتَطَاعُ).

2.6 Penutup

Pembentangan secara mendalam tentang takrifan dan landasan teori kepada tajuk kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l serta cakupan tajuk ilmu nahu dan sorf yang berkait secara langsung dengan tajuk ini memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada penyelidik untuk menjuruskan kajian ini mengikut batasan yang disasarkan. Menerusi bab seterusnya, penyelidik membina bentuk instrumen kajian yang sesuai bagi mendapatkan hasil kajian yang sah dengan mengambil kira tahap silibus pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah.